

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) usaha melengkapkan sekolah-sekolah dengan pengudaraan memadai bagi meminimalkan '*aerosol transmission*' COVID-19, seiring dapatan *Workshop on Airborne Transmission of COVID-19*" anjuran US National Academies of Sciences, Engineering, and Medicine; dan
- (b) butiran tahap ketersediaan pembukaan sekolah (kebangsaan dan swasta) mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat. Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah.

Berdasarkan Garis Panduan tersebut, Semua sekolah perlu memastikan pengudaraan dan pencahayaan yang baik di dalam kelas, bilik guru dan pejabat. Bagi kelas, bilik guru dan pejabat, tingkap dan pintu hendaklah sentiasa dibuka, tidak menggunakan langsir bagi membenarkan aliran udara yang baik, menggalakkan penggunaan kipas angin serta penapis mudah alih dan meminimumkan penggunaan bilik-bilik khas yang dilengkapi penyaman udara. Sekiranya menggunakan bilik yang menggunakan penyaman udara, penggunaannya hendaklah pada tahap minimum serta suhu penyaman udara dikekalkan dalam julat 23°C - 26°C. Pihak sekolah juga harus memastikan penyaman udara diselenggara secara berkala.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat keputusan untuk membuka semula sekolah secara berperingkat mengikut Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B.

Justeru, KPM telah membuat persiapan rapi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga sekolah sepanjang mereka berada di sekolah. Bagi tujuan ini, satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah telah disediakan. KPM telah menetapkan supaya kapasiti murid di sekolah pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Kaedah yang digunakan adalah dengan menghadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut. Oleh itu, sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu akan dilaksanakan. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)/Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK)/Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI);
- ii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan International Baccalaureate Diploma (IBD) Tahun 2;
- iii. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- iv. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- v. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vi. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

Bagi kelas yang melaksanakan penggiliran, murid di dalam kelas tersebut akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Dalam satu-satu minggu hanya satu kumpulan sahaja yang akan hadir ke sekolah manakala kumpulan yang satu lagi akan menjalani PdPR secara sendiri.

Sebagai contoh, kelas yang mempunyai 36 murid akan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu A dan B dengan setiap kumpulan mempunyai 18 murid. Kumpulan A akan hadir pada minggu pertama untuk mengikuti PdP secara bersemuka manakala kumpulan B akan menjalani PdPR secara sendiri. Untuk minggu berikutnya, 18 murid kumpulan B pula akan mengikuti PdP secara bersemuka dan 18 murid kumpulan A tadi akan menjalani PdPR secara sendiri. Kitaran penggiliran ini akan berterusan sehingga dimaklumkan oleh KPM kelak.

Kaedah penggiliran ini membolehkan penjarakan fizikal dalam kelas yang lebih baik dan memudahkan pemantauan guru ke atas murid. Ini juga bagi mengurangkan kesesakan sewaktu pergerakan masuk dan penyuraian di sekolah.

Bagi murid yang akan pulang ke sekolah asrama sepenuhnya, KPM akan melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada murid dengan menggunakan kit ujian sendiri COVID-19. Ujian saringan ini dilaksanakan sebanyak 3 kali, iaitu semasa pendaftaran masuk, hari ke-6 dan hari ke-14. Bagi murid asrama harian pula, ujian saringan COVID-19

## **NO. SOALAN: 62**

menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 akan dilaksanakan semasa pendaftaran masuk. Selain itu, kit ujian sendiri COVID-19 akan disediakan bagi kegunaan sekolah harian untuk membuat saringan awal sekiranya terdapat murid yang menunjukkan gejala ketika di sekolah.

Selain daripada pendekatan di atas, KPM menetapkan bahawa hanya guru yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas dan berinteraksi dengan murid. Selain itu, anggota kumpulan pelaksana (AKP) dan pekerja perkhidmatan sokongan (PPS) yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki dan bekerja di dalam kawasan sekolah.

KPM yakin pelan pembukaan sekolah ini adalah satu perancangan komprehensif KPM bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.